



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 5 TAHUN 2010**

**PENGECUALIAN MENYERTAKAN SENARAI MURID SEKOLAH DALAM
PERMOHONAN LESEN BARU KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM
BAS SEKOLAH**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 26 MEI 2010

Semua Pengusaha Bas Sekolah Semenanjung Malaysia.

Semua Persatuan Bas Sekolah Semenanjung Malaysia.

PENGECUALIAN MENYERTAKAN SENARAI MURID SEKOLAH DALAM PERMOHONAN LESEN BARU KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM BAS SEKOLAH

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pengecualian menyertakan senarai nama murid sekolah semasa memohon lesen baru perkhidmatan bas sekolah.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan pada masa ini mewajibkan setiap permohonan lesen bas sekolah untuk menyertakan senarai nama murid sekolah yang disahkan oleh Guru Besar/Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) sekolah yang berkenaan. Peraturan tersebut menimbulkan kesukaran kepada pemohon untuk mendapatkan senarai nama murid sekolah memandangkan pemohon belum lagi memulakan perniagaan.

PEMANSUHAN PERATURAN

3. Mesyuarat Lembaga Bil. 19/2010 bertarikh 19 Mei 2010 telah membuat keputusan seperti berikut:


- (i) memansuhkan peraturan mewajibkan menyertakan senarai nama murid sekolah; dan
- (ii) menyertakan surat sokongan daripada pihak sekolah/PIBG sekolah yang berkaitan bersama borang permohonan.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

26 MEI 2010

Edaran Dalaman:

Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPP (D)

KPP (L)

Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.